

08/03/2004

Abdul Halim bakal tanding DUN Bukit Kayu Hitam

ALOR STAR: Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, adalah antara pemimpin yang dikatakan bakal dicalonkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kayu Hitam (dulu Tunjang) dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu, pada pilihan raya umum ini.

Halim yang kini menjadi Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bukan baru di bahagian itu kerana pernah dikaitkan akan bertanding di situ pada pilihan raya umum 1999, selain anak jati Tunjang.

Bekas Setiausaha Politik Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Saad Man pula dikatakan akan diletakkan sebagai calon di kerusi Parlimen Kubang Pasu yang dikosongkan Dr Mahathir.

Menurut sumber, Halim sudah disebut-sebut mengisi tempat Barishah Saad yang hampir pasti tidak akan mempertahankan kerusinya.

"Selain itu, Halim juga bukan asing kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana pernah bertugas di bawahnya ketika beliau menjadi Menteri Luar.

"Kedudukan itu mungkin memberi kelebihan kepadanya kerana setidak-tidaknya Pak Lah tahu kemampuannya," kata sumber itu.

Mengenai Parlimen Kubang Pasu, sumber itu berkata, biarpun ada beberapa pihak yang menunjukkan minat termasuk seorang lagi bekas Setiausaha Politik Dr Mahathir, Datuk Johari Baharom, pilihan nampak condong kepada Saad.

Bagaimanapun, katanya, Saad terlebih dulu perlu merayu kepada Jawatankuasa Pengurusan Umno untuk menarik balik penggantungannya selepas dikaitkan dengan masalah dalam borang pencalonan Dr Mahathir pada pilihan raya 1999.

"Saad membuktikan kesetiaannya kepada parti dengan menerima hukuman itu walaupun kesilapan berkenaan bukan berpunca daripadanya.

"Beliau tidak menentang parti walaupun kesalahan itu bukan perbuatannya," katanya.

Selain itu, kata sumber berkenaan, Saad bukan saja menerima sokongan cawangan malah turut dihormati oleh orang ramai berikutan kemesraannya.